



## NOTIS MAKLUMAN

### PENETAPAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) PADA KADAR 0% KE ATAS INSURANS/ TAKAFUL PEMILIK RUMAH KEDIAMAN (LTHO) DAN YURAN GUAMAN

Selaras dengan Siaran Media Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 16 Mei 2018, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) menetapkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ke atas Insurans/ Takaful Pemilik Rumah Kediaman (LTHO) yang dikenakan oleh Panel Insurans/ Takaful LPPSA dan Yuran Guaman oleh firma guaman adalah pada kadar 0% berkuatkuasa **1 Jun 2018**.

Kesan daripada pelaksanaan kadar baharu GST tersebut, permohonan pembiayaan yang terlibat akan dikendalikan seperti berikut:

Perkara	Tatacara
Insurans/ Takaful Pemilik Rumah Kediaman (LTHO)	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Bagi permohonan yang diluluskan selepas 1 Jun 2018, amaun GST akan ditetapkan pada kadar 0%; dan</li><li>ii. Bagi permohonan yang diluluskan sebelum 1 Jun 2018 tetapi bayaran LTHO dibuat selepas 1 Jun 2018, amaun GST berkenaan akan dikreditkan ke dalam akaun pembiayaan peminjam bagi mengurangkan baki pembiayaan.</li></ul>
Yuran Guaman	Peminjam hendaklah merujuk firma guaman yang dilantik untuk urusan pemulangan balik ( <i>refund</i> ).

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui portal aduan/ pertanyaan rasmi LPPSA di [www.lppsa.gov.my](http://www.lppsa.gov.my).

**Jabatan Pengurusan Produk dan Proses**  
**31 Mei 2018**